

LWS 3 - LATIHAN FEQAH TINGKATAN 2

SOLAT KETIKA SAKIT

Arahan: Tarik kotak dan isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang diberi.

NAMA PELAJAR:

KELAS:

MAKSUD SOLAT KETIKA SAKIT

sempurna

rukun

pesakit

Solat ketika sakit ialah solat yang dilaksanakan oleh _____ yang tidak dapat menyempurnakan sebahagian _____ solat dengan _____.

SPEKTRUM ILMU

lantai

utama

kerusi

Solat secara duduk yang _____ ialah solat duduk di atas _____.

Sekiranya tidak mampu, maka duduk di atas _____.

CARA SOLAT KETIKA SAKIT

1 Solat secara berdiri bagi orang yang tidak mampu rukuk atau sujud.

Berdiri

duduk

_____ merupakan rukun bagi solat fardu. Oleh itu, tidak sah solat secara _____ bagi orang yang mampu berdiri.

1. Takbiratul ihram, bacaan al-Fatihah, iktidal dan salam disempurnakan seperti biasa.

2. Rukuk

biasa

mata

lutut

hati

kepala

- Disempurnakan seperti _____ jika mampu.
- Jika tidak mampu, dilaksanakan secara menundukkan badan sehingga dua tangan dapat mencapai kedua-dua _____.
- Jika tidak mampu menundukkan badan, boleh dilakukan dengan isyarat _____.
- Jika tidak mampu, boleh dilakukan dengan isyarat _____.
- Jika tidak mampu, boleh dilakukan di dalam _____.

3. Sujud

isyarat

rukuk

dahi

mata

mampu

- Disempurnakan seperti biasa jika _____.
- Jika tidak mampu, hendaklah dilaksanakan dengan menundukkan badan melebihi kadar _____ dan menghampirkan _____ semampunya ke tempat sujud sama ada secara berdiri ataupun duduk.
- Jika tidak mampu menundukkan badan, boleh dilakukan dengan _____ kepala.
- Jika tidak mampu, boleh dilakukan dengan isyarat _____.
- Jika tidak mampu, boleh dilakukan di dalam hati.

4. Duduk antara dua sujud

biasa

berdiri

bersila

- Dilaksanakan secara _____ (bagi yang berdiri) atau duduk di antara dua sujud yang _____ (bagi yang duduk) atau duduk mengikut kemampuan seperti _____.

5. Tasyahhud akhir

duduk

kemampuan

- Jika tidak mampu _____, tasyahhud akhir boleh dilaksanakan mengikut _____ pesakit.

2

Solat secara duduk

kerusi

kemampuan

Iftirasy

berlunjur

bersila

Solat secara duduk boleh dilaksanakan mengikut kemampuan seperti yang berikut:

- Duduk _____ iaitu duduk di antara dua sujud.
- Duduk di atas _____ atau di tepi katil.
- Duduk dengan kaki _____ ke arah kiblat.
- Duduk _____ atau cara-cara lain mengikut _____.

duduk

berdiri

tegak

1. Mulakan solat dalam keadaan _____. Jika tidak mampu, pesakit boleh mula _____ mengikut kemampuan.
2. Takbiratul ihram, bacaan al-Fatihah, iktidal, duduk di antara dua sujud dan duduk tasyahhud dilaksanakan dalam keadaan badan _____.

3. Rukuk

badan

lutut

sujud

- Dilaksanakan dengan menundukkan badan sehingga kedudukan dahi setentang dengan tempat_____.
- Jika tidak mampu, sekurang-kurangnya kedudukan dahi melepasi paras_____.
- Jika tidak mampu, tundukkan _____ sekadar kemampuan.

4. Sujud

rendah

tundukkan

biasa

- Dilaksanakan dengan sujud seperti _____ jika mampu.
- Jika tidak mampu, sekurang-kurangnya tundukkan badan lebih _____ berbanding rukuk.
- Jika tidak mampu, _____ sekadarnya.

5. Tasyahhud akhir

tawarruk

kemampuan

- Sunat duduk tasyahhud akhir secara _____, iaitu seperti biasa. Jika tidak mampu, duduklah mengikut _____.

3

Solat secara mengiring

kiri

rusuk

kiblat

mengiring

Rukuk

1. Pesakit mengiring badannya di atas _____ kanan. Jika tidak mampu, boleh mengiring di atas rusuk _____. Muka dan dada dihadapkan ke arah _____.
2. Pesakit _____ ketika bacaan al-Fatihah, iktidal, duduk antara dua sujud dan duduk tasyahhud.
3. _____ dilaksanakan dengan menundukkan sedikit kepala.
4. Sujud dilaksanakan dengan menundukkan _____ melebihi kadar _____. Jika tidak mampu, tundukkan sekadar kemampuan.
5. Jika tidak mampu menundukkan kepala, gunakan _____ mata. Jika tidak mampu, lakukan solat dalam _____.

hati

kiri

kepala

isyarat

rukuk



Solat secara menelentang

kepala

menelentang

mukanya

melunjur

kepala

1. Pesakit _____, kepala diangkat sedikit agar _____ dapat menghadap kiblat. Kaki pesakit _____ ke arah kiblat.

2. Solat dilakukan dengan isyarat _____.

- Rukuk dilakukan dengan menundukkan sedikit _____.
- _____ dilakukan dengan menundukkan kepala melebihi kadar rukuk.

3. Jika tidak mampu, gunakan isyarat _____.

- Rukuk dilakukan dengan _____ separuh kelopak mata.
- Sujud dilakukan dengan _____ seluruh kelopak mata.

4. Jika tidak mampu, lakukan solat di dalam _____.

Sujud

mata

memejamkan

hati

menutup